

KENYATAAN MEDIA

11 Januari 2023

SIARAN SEGERA

PKNS, Bank Muamalat tawar pembiayaan kediaman dan komersial

SHAH ALAM, 11 Januari 2023 – Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membuka lembaran tahun baharu 2023 dengan menjalin kerjasama strategik dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) menerusi penawaran pembiayaan perumahan kepada individu dan entiti perniagaan sebagai usaha membuka peluang dan membantu lebih ramai golongan masyarakat dalam pemilikan hartanah khususnya kediaman dan komersial.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak telah diadakan di Restoran SACC Kelana Seafood, Shah Alam hari ini.

Menerusi kolaborasi ini, Bank Muamalat akan menyediakan pembiayaan akhir ('end-financing') kepada para pelanggan PKNS yang berpotensi bagi produk-produk hartanah yang dibangunkan oleh PKNS di seluruh Malaysia, yang melibatkan projek perumahan pelbagai peringkat termasuk projek mampu milik.

Bagi golongan individu, Bank Muamalat menawarkan khidmat nasihat pembiayaan menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) dengan kerjasama Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad dan Cagamas Berhad. Manakala bagi segmen perniagaan, akan disediakan khidmat nasihat dan

kemudahan fasiliti untuk industri kecil dan sederhana (SME) yang melibatkan vendor dan rakan niaga.

MoU itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud bin Abbas dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat dan Keusahawanan) PKNS, Haji Suhaimi bin Haji Kasdon. Manakala Bank Muamalat diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khairul Kamarudin dan Pengarah Perbankan Runcit, Zury Rahimee Zainal Abiden.

Mengulas mengenai usahasama ini, Dato' Mahmud menjelaskan bahawa kemudahan pembiayaan ini dapat membantu para pelanggan PKNS sama ada individu atau entiti perniagaan untuk memiliki harta tanah menerusi penawaran pakej yang bersesuaian mengikut keperluan dan kelayakan pelanggan.

"Sememangnya menjadi hasrat PKNS untuk meningkatkan tahap pemilikan kediaman kepada lebih ramai masyarakat terutamanya golongan belia dan pembeli rumah pertama. Berbekalkan pengalaman lebih lima dekad, kami komited untuk menyediakan pelbagai produk harta tanah yang dapat memenuhi keperluan para pelanggan yang pelbagai dan saya percaya jalinan kerjasama ini akan membantu memberikan lebih pilihan sekaligus membantu merealisasi objektif ini," tambah beliau.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin pula berkata, "Kerjasama Bank Muamalat dan PKNS ini merangkumi pelbagai aspek perniagaan untuk jangka masa panjang memandangkan PKNS merupakan syarikat pemaju harta tanah yang bereputasi tinggi di Malaysia khususnya di negeri Selangor."

"Bank Muamalat kini dalam usaha membina #KehidupanLebihBaikBersama pelanggan menjelang 2023. Maka, pihak Bank amat memahami masalah yang dihadapi oleh para pelanggan, ditambah dengan keadaan ekonomi semasa yang agak mencabar terutamanya, bagi pembeli rumah pertama. Dengan itu, pihak Bank sedia memberikan penyelesaian dan menyediakan kemudahan kewangan kepada individu dan entiti perniagaan," katanya.

Kerjasama strategik ini juga turut memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk bekerjasama menganjurkan pelbagai aktiviti seperti persidangan, seminar, ‘roadshow’, ceramah dan aktiviti pemasaran bagi memasarkan produk-produk hartaanah PKNS serta memperkenalkan pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat.

Pembiayaan ini ditawarkan untuk pelbagai produk-produk hartaanah PKNS yang sedang dan telah siap dibina merentasi seluruh kawasan di negeri Selangor. Antaranya adalah Puteri Soraya dan Puteri Aira di Kota Puteri; Azhara, Lavender dan Cassia di Antara Gapi; Rafflesia di Bernam Jaya; Anggun Kirana dan Hijauan Enklaf di Alam Nusantara; dan banyak lagi.

Selain itu, antara projek yang sedang menerima tempahan yang amat menggalakkan adalah Residensi Advena, Seksyen 16 di Shah Alam. Setakat ini lebih 70 peratus tempahan telah diterima daripada jumlah keseluruhan 232 unit. Kediaman pangsapuri berkonsepkan moden kontemporari ini mempunyai keluasan 941 kaki persegi dan merupakan kediaman mampu milik dan mempunyai lokasi yang strategik berhampiran dengan laluan transit utama di pusat bandar Shah Alam. Dilengkapi dengan rekabentuk moden, Residensi Advena juga berdekatan dengan pelbagai kemudahan awam seperti sekolah, pusat pengajian tinggi, hospital, klinik, pusat beli-belah dan sebagainya. Dengan harga yang berpatutan, projek ini dijangka akan mencatatkan permintaan yang tinggi dan pasti memuaskan para pelanggan.

####

Mengenai PKNS

PKNS ditubuhkan pada 1 Ogos 1964 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, 1964, sebagai agensi untuk pembangunan peringkat negeri melalui pembahagian dan pemacuan pertumbuhan sosio ekonomi di Selangor, bertujuan untuk menggalakkan kestabilan, keharmonian dan keadilan sosial untuk mencapai visi negara. Sikap optimis ini direalisasikan melalui pembangunan pusat pertumbuhan baru, perumahan, perindustrian, perniagaan dan pelaburan.

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah sebuah insitusi kewangan Islam yang telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1999, dan dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Sebagai sebuah institusi kewangan Islam sepenuhnya, Bank Muamalat menawarkan pelbagai perkhidmatan yang memenuhi keperluan kedua-dua pihak iaitu individu dan institusi/korporat.

Secara umum, Bank Muamalat menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan individu seperti akaun deposit, pengurusan aset, pembiayaan kenderaan, pembiayaan perumahan dan juga pembiayaan peribadi. Bank Muamalat juga menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kepada pelanggan insitusi dan korporat, daripada khidmat pengurusan tunai, penyelesaian pembayaran, kewangan perdagangan dan eksport antarabangsa, pembiayaan, dan urusniaga pasaran modal.

Bank Muamalat mempunyai 68 buah cawangan, selain mempunyai kemudahan perbankan internet iaitu i-Muamalat, serta e-muamalat yang merujuk kepada rangkaian ATM, CDM, dan CICO yang boleh didapati di hampir 141 lokasi seluruh negara. Kami juga turut menyediakan perbankan internet kepada pelanggan korporat mengikut keselesaan anda.

Bank Muamalat merupakan ahli Kumpulan DRB-HICOM Berhad di mana ia memiliki 70% saham Bank dengan baki kepentingan dipegang oleh Khazanah Nasional Berhad, sebuah cabang pelaburan negara.

Bank Muamalat telah diterima secara rasmi sebagai ahli GABV pada 15 November 2017. Bank Muamalat ialah bank Islam pertama di dunia dan yang pertama di rantau Asia Tenggara menjadi ahli Global Alliance for Banking in Values (GABV).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

MUHAMMAD SOBREE BIN ZAINAL ABIDIN
PENGURUS KOMUNIKASI KORPORAT PKNS
Tel: 03-5525 0300/ 1065/ 019-5457445
Email: sobree_zainal@pkns.gov.my

Sebarang pertanyaan media berkaitan Bank Muamalat, sila hubungi:

Syahida Azureen | syahida.azureen@muamalat.com.my | +6012 242 3696
Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384